

ANALISIS TAHAP KEFAHAMAN PEMBAYAR WANG TIDAK PATUH SYARIAH DI MALAYSIA

ANALYSIS ON LEVEL OF UNDERSTANDING AMONG SHARIAH NON- COMPLIANT MONEY PAYERS IN MALAYSIA

Fatimah Salwa Abd. Hadi¹
Fidlizan Muhammad²
Mohd Yahya Mohd Hussin³,
Azila Abdul Razak⁴
Nurhanie Mahjom⁵
Mohamad Azahari Ahmad⁶

^{1,2,3,4,5}Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

¹fatimahsalwa@fpe.upsi.edu.my

⁶Unit Pematuhan Syariah, Bahagian Pengurusan Syariah & Pembangunan Angkasa, ANGKASA.

Accepted date: 22-11-2018

Published date: 20-12-2018

To cite this document: Hadi, F. S. A., Muhammad, F., Hussin, M. Y. M., Razak, A. A., Mahjom, N., & Ahmad, M. A. (2018). Analisis Tahap Kefahaman Pembayar Wang Tidak Patuh Syariah di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Education and Development*, 3 (15), 20-28.

Abstrak: Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman pembayar wang tidak patuh syariah terhadap konsep dan sumber-sumbernya. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan melibatkan seramai 115 responden yang terdiri daripada pembayar wang tidak patuh syariah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman pembayar tentang wang tidak patuh syariah masih berada di tahap yang rendah dan sederhana. Manakala tahap pengetahuan berkaitan sumber-sumber wang tidak patuh syariah pula berada pada tahap yang tinggi dan sangat tinggi. Justeru, semua pihak mesti memainkan peranan untuk menyampaikan pengetahuan yang tepat kepada masyarakat tentang wang tidak patuh syariah. Hal ini penting bagi membantu masyarakat menghindarkan diri daripada terlibat dengan perolehan wang tidak patuh syariah atau menyucikan harta mereka sekiranya telah terlibat dengan aktiviti yang dilarang tersebut.

Kata Kunci: Wang Tidak Patuh Syariah, Pembayar, Tidak Halal

Abstract: *The main objective of this study is to identify the level of understanding of shariah non-compliant money payers with regards to its concepts and sources. This study used the questionnaire as the instrument and involved 115 respondents who were living in Kuala Lumpur and Selangor. The findings showed that the level of understanding of the payer on the concept of non-compliant money were low and moderate. However, the understanding towards the sources of Shariah non-compliant money were at high and very high levels. Hence, all parties must play their role to convey accurate knowledge to the public about shariah non-compliant money. It was so important to help the public get rid from any shariah non-compliance money or purifying their properties if they have been involved with the prohibited activities.*

Keywords: *Shariah Non-Compliant Money, Payer, Non-Halal*

Pengenalan

Sebagai sebuah negara yang mempunyai dwi sistem kewangan iaitu secara Islam dan konvensional, Malaysia bukan sahaja menggalakkan persaingan secara sihat dalam kalangan pemain industri, bahkan turut dapat memberi alternatif kepada masyarakat bagi menjalankan aktiviti ekonomi mengikut pilihan masing-masing. Meskipun situasi ini mempunyai keunikannya tersendiri, golongan yang beragama Islam perlu lebih berhati-hati supaya tidak terlibat dengan perolehan, harta atau wang yang tidak selari dengan ajaran Islam. Hakikatnya, terdapat ramai umat Islam pada masa kini yang terlibat dengan aktiviti penghasilan wang tidak patuh syariah seperti wang Riba hasil simpanan di bank-bank konvensional, sekuriti-sekuriti tidak patuh syariah, perlindungan insurans dan sebagainya (Murid Fadzli, 2008).

Bagi membersihkan perolehan yang tidak patuh syariah, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam yang dikendalikan pada tahun 2009 telah memutuskan beberapa perkara termasuklah penyerahan wang tidak patuh syariah (WTPS) kepada Baitulmal untuk *masalah* umum. Selari dengan ketetapan tersebut, jumlah bayaran WTPS di Baitulmal telah mengalami peningkatan dari tahun ke tahun (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Selangor, 2017). Meskipun begitu, adakah peningkatan jumlah bayaran tersebut terjadi disebabkan tahap kefahaman masyarakat yang baik terhadap konsep WTPS. Selain itu, sejauh mana para pembayar faham tentang sumber-sumber WTPS? Justeru, terdapat dua objektif yang disasarkan dalam kajian ini iaitu mengenal pasti tahap kefahaman pembayar terhadap konsep WTPS dan juga mengenal pasti tahap kefahaman pembayar terhadap sumber-sumber WTPS.

Sorotan Literatur

Secara umumnya, terdapat banyak perbincangan yang telah dibahaskan berkaitan dengan harta atau wang yang tidak patuh syariah (WTPS). Meskipun begitu, kebanyakan kajian lebih menjurus kepada perbincangan berkaitan definisi, hukum, sumber, dalil, kaedah penyucian dan sebagainya. Menurut Al-Zuhayli (2003), harta atau wang tidak patuh syariah (WTPS) ditakrifkan sebagai pendapatan yang diperolehi melalui cara yang menyalahi undang-undang syariah dan ianya tidak boleh dimiliki atau dimanfaatkan oleh Muslim. Dalam situasi semasa, Al-Qaradawi (2003) menjelaskan bahawa WTPS datang daripada pelbagai sumber. Ini

termasuklah hasil daripada perjudian, pertaruhan, transaksi Riba', pelaburan yang tidak patuh syariah, jual beli aset yang menyalahi undang-undang, insurans, aktiviti hiburan yang dilarang, penjualan tembakau atau barang-barang yang berbahaya, sekuriti yang tidak sah di sisi Islam dan segala bentuk aktiviti yang melanggar ajaran Islam.

Setiap hasil atau pendapatan yang haram atau kotor ini perlu dibersihkan. Hal ini penting bagi memastikan setiap Muslim terhindar daripada sebarang dosa akibat menyimpan atau menggunakannya. Terdapat pelbagai cara yang telah dibincangkan oleh para ulama Muslim kontemporari untuk membersihkan WTPS. Menurut keterangan Al-Zarqa (2004), kesemua hasil yang dilarang ini perlu dikumpulkan dalam akaun khas dan dipisahkan daripada pendapatan yang dibenarkan. Kemudian, ia harus diserahkan kepada orang miskin dan orang yang memerlukan atau disalurkan sebagai sumbangan yang akan digunakan untuk manfaat umat Islam.

Dalam hal ini, Al-Zuhayli (2005) berpendapat bahawa satu-satunya cara untuk membebaskan diri daripada terlibat dengan harta yang menyalahi syariah adalah dengan menyalurkan harta kepada orang miskin atau menyalurkannya sebagai sumbangan untuk dimanfaatkan oleh Muslim yang lain. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kesemua harta, perolehan, keuntungan atau sebarang pulangan yang menyalahi syariah mesti disucikan. Ia tidak boleh disimpan atau digunakan apatah lagi untuk kepentingan peribadi.

Menurut Al-Haq (2005), harta atau wang yang diperolehi melalui cara yang salah mestilah dikembalikan kepada pemilik sebenar. Sekiranya pemilik tersebut telah mati, maka warisnya mempunyai hak untuk memiliki harta tersebut. Namun begitu, sekiranya waris tidak dapat diketahui, harta tersebut harus disalurkan sebagai sumbangan kepada golongan fakir dan miskin. Meskipun begitu, sekiranya pemilik sebenar tidak diketahui, harta tersebut perlu disalurkan untuk kepentingan umum. Dalam hal ini, Ibn Rushd (2004) dan Al-Mawardi (1994) berpandangan bahawa sebarang harta atau wang yang menyalahi undang-undang syariah boleh dilupuskan dengan menyerahkannya kepada Baitulmal sekiranya pemiliknya tidak diketahui.

Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam 2009, harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti Riba, *gharar*, perjudian, penipuan, rompakan, rasuah, rampasan dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat atau kepentingan diri sendiri. Kesemua harta atau perolehan yang diperolehi melalui jalan tersebut perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut. Pertama; diserahkan kepada Baitulmal untuk *maslahah* umum, kedua; diserahkan kepada golongan fakir dan miskin, ketiga; sekiranya harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan kepada pemiliknya. Sekiranya pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut perlu diserahkan kepada warisnya. Sekiranya pemilik atau warisnya tidak dapat diketahui, maka harta tersebut perlu diserahkan kepada Baitulmal.

Selanjutnya, hanya sebilangan kecil sahaja kajian empirikal yang pernah dijalankan berkaitan isu ini. Ini termasuklah kajian yang dijalankan oleh Saidatolakma, Sayed Sikandar dan Zuraidah(2017). Meskipun begitu, kajian ini memberi fokus tentang pandangan baharu

berkaitan penyucian pendapatan tidak halal dengan mengetengahkan konsep haram dalam Islam serta perkara-perkara bertentangan syariah yang berlaku di bank-bank Islam di Malaysia.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Wasiullah et.al (2017) pula memberi penekanan terhadap penyucian perolehan yang tidak selari dengan ajaran Islam dalam konteks pelaburan terutamanya dalam pasaran saham. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah penyucian sedia ada untuk mengira pendapatan yang tidak bersih untuk disucikan mempunyai kekurangan sama ada dari sudut konseptual dan praktikal. Berbeza dengan kajian-kajian yang pernah dijalankan, kajian yang akan dijalankan ini memberi fokus terhadap WTPS di peringkat individu. Penilaian hanya melibatkan tahap kefahaman individu terhadap konsep WTPS dan sumber-sumbernya.

Metodologi Kajian

Tujuan utama kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman pembayar tentang konsep wang tidak patuh syariah (WTPS) dan sumber-sumber terjadinya wang atau harta yang tidak patuh syariah. Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dan diedarkan secara rawak kepada pembayar WTPS di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Maklumat berkenaan pembayar diperoleh melalui pelbagai sumber seperti Majlis Agama Islam Negeri atau berdasarkan maklumat daripada pembayar WTPS itu sendiri. Seramai 155 responden telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Namun begitu, hanya 115 borang soal selidik sahaja yang lengkap diisi dan boleh diguna pakai. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif seperti min dan sisihan piawai.

Bagi menentukan tahap kefahaman masyarakat terhadap item-item yang digunakan dalam kajian ini, penentuan tersebut dilakukan berdasarkan nilai min seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Penentuan Tahap Pemboleh Ubah Berdasarkan Petunjuk Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 – 1.89	SangatRendah (SR)
1.90 – 2.69	Rendah (R)
2.70 – 3.49	Sederhana (S)
3.50 – 4.29	Tinggi (T)
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi (ST)

Sumber: Bahagian Perancangan dan PenyelidikanDasar Pendidikan (BPPDP), 2006.

Sebagai contoh, sesuatu item itu berada di tahap yang sangat rendah sekiranya nilai min terletak di antara 1.00 hingga 1.89. Sekiranya nilai min bagi item tersebut terletak di antara 1.90 hingga 2.69, maka item tersebut berada pada tahap yang rendah. Sementara itu, item tersebut berada pada tahap yang tinggi jika nilai min terletak di antara 3.50 hingga 4.29. Jika nilai min terletak di antara 4.30 hingga 5.00, maka item tersebut berada pada tahap yang sangat tinggi.

Dapatan Kajian

Maklumat Demografi

Jadual di bawah merupakan maklumat responden yang terlibat dalam kajian yang dijalankan. Kesemua responden adalah beragama Islam. Lebih daripada 60 peratus adalah lelaki dan hanya 34.78 peratus sahaja perempuan. Lebih daripada separuh responden (64.35 peratus) mempunyai ijazah sarjana muda dan terdapat juga sebahagian kecil (7.83 peratus) mempunyai kelulusan di peringkat doktor falsafah. Berdasarkan kepada umur, hampir 40 peratus responden berumur di antara 31 hingga 35 tahun dan kurang daripada 30 peratus berumur di antara 21 hingga 25 tahun. Selanjutnya, seramai 34 responden terlibat dengan pekerjaan di sektor awam, 39 responden di sektor swasta manakala selebihnya bekerja sendiri. Lebih 50 peratus responden mempunyai pendapatan di antara RM3,001 hingga RM4,000 sebulan.

Jadual 2: Maklumat Responden Kajian

Profil Responden	Keterangan	Muslim N= 115
Jantina	Lelaki	75 (65.22)
	Perempuan	40 (34.78)
Pendidikan Tertinggi	Sarjana Muda	74 (64.35)
	Sarjana	32 (27.82)
	Doktor Falsafah	9 (7.83)
Umur	21 – 25 tahun	33(28.70)
	26 – 30 tahun	39 (33.91)
	31 – 35 tahun	43 (37.39)
Pekerjaan	Kerajaan	34 (29.57)
	Swasta	39 (33.91)
	Sendiri	42 (36.52)
Pendapatan bersih (bulanan)	RM1,001 – RM2,000	9 (7.83)
	RM2,001 – RM3,000	24 (20.87)
	RM3,001 – RM4,000	59 (51.30)
	RM4,001 – RM5,000	11 (9.57)
	≥ RM5,001	12 (10.43)

Note: () nilai peratus

Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Wang Tidak Patuh Syariah

Terdapat 10 item yang digunakan dalam kajian ini untuk mengukur tahap kefahaman masyarakat terhadap konsep wang tidak patuh syariah. Ini termasuklah "Saya tahu bahawa penyucian wang tidak patuh syariah bukan melalui zakat", "Saya tahu bahawa pembayaran wang tidak patuh syariah boleh dikeluarkan oleh sendiri oleh individu tersebut", "Saya tahu bahawa pembayaran wang tidak patuh syariah boleh dibayar di Baitulmal", "Saya tahu

bahawa Baitulmal merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan wang tidak patuh syariah", "Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah perlu diserahkan kepada waris jika pemiliknya telah meninggal dunia", "Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah boleh diserahkan kepada fakir miskin", "Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah perlu diserahkan kepada pemilik asalnya", "Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah tidak boleh digunakan untuk kegunaan diri sendiri dan ahli keluarga", "Saya tahu bahawa wang atau harta tidak patuh syariah merujuk kepada semua jenis harta yang diperolehi daripada sumber yang bertentangan dengan syariat" dan "Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah boleh digunakan untuk masalah umum jika pemilik wang atau harta tersebut tidak berjaya dikenal pasti".

Jadual 3: Kefahaman Masyarakat Terhadap Wang Tidak Patuh Syariah

Bil	Item	Keterangan		
		SisihanPiawai	Min	Tahap
1	Saya tahu bahawa penyucian wang tidak patuh syariah bukan melalui zakat	0.98	3.12	S
2	Saya tahu bahawa pembayaran wang tidak patuh syariah boleh dikeluarkan oleh sendiri oleh individu tersebut	0.73	3.04	S
3	Saya tahu bahawa pembayaran wang tidak patuh syariah boleh dibayar di Baitulmal	0.45	3.28	S
4	Saya tahu bahawa Baitulmal merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan wang tidak patuh syariah	0.87	2.87	S
5	Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah perlu diserahkan kepada waris jika pemiliknya telah meninggal dunia	0.75	2.98	S
6	Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah boleh diserahkan kepada fakir miskin	0.61	2.99	S
7	Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah perlu diserahkan kepada pemilik asalnya	0.98	3.09	S
8	Saya tahu bahawa wang tidak patuh Syariah tidak boleh digunakan untuk kegunaan diri sendiri dan ahli keluarga	0.65	2.52	R
9	Saya tahu bahawa wang atau harta tidak patuh Syariah merujuk kepada semua jenis harta yang diperolehi daripada sumber yang bertentangan dengan syariat	0.96	2.44	R
10	Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah boleh digunakan untuk masalah umum jika pemilik wang atau harta tersebut tidak berjaya dikenal pasti	0.68	2.67	R

Nota:

S = Sederhana (nilai min adalah 2.70 hingga 3.49)

R = Rendah (nilai min adalah 1.90 hingga 2.69)

Nilai sisihan piawai bagi kesemua item adalah rendah iaitu kurang daripada 1. Sementara itu, terdapat 7 item yang mempunyai nilai min di antara 2.70 sehingga 3.49. Ini termasuklah "Saya tahu bahawa penyucian wang tidak patuh syariah bukan melalui zakat", "Saya tahu bahawa pembayaran wang tidak patuh syariah boleh dikeluarkan oleh sendiri oleh individu tersebut", "Saya tahu bahawa pembayaran wang tidak patuh syariah boleh dibayar di Baitulmal", "Saya tahu bahawa Baitulmal merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan wang tidak patuh syariah", "Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah perlu diserahkan kepada waris jika pemiliknya telah meninggal dunia", "Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah boleh diserahkan kepada fakir miskin" dan "Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah perlu diserahkan kepada pemilik asalnya". Berdasarkan nilai min tersebut, tahap kefahaman masyarakat terhadap ketujuh-tujuh item tersebut berada pada tahap yang sederhana.

Selanjutnya, terdapat 3 item yang mempunyai nilai min di antara 1.90 hingga 2.69. Item tersebut adalah "Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah tidak boleh digunakan untuk kegunaan diri sendiri dan ahli keluarga", "Saya tahu bahawa wang atau harta tidak patuh syariah merujuk kepada semua jenis harta yang diperolehi daripada sumber yang bertentangan dengan syariat" dan "Saya tahu bahawa wang tidak patuh syariah boleh digunakan untuk masalah umum jika pemilik wang atau harta tersebut tidak berjaya dikenal pasti". Nilai min tersebut menunjukkan bahawa tahap kefahaman masyarakat adalah rendah terhadap item-item tersebut.

Sumber Wang Tidak Patuh Syariah

Terdapat 15 item yang disenaraikan sebagai sumber wang tidak patuh syariah dalam kajian ini. Ini termasuklah perjudian, pertaruhan, hasil penjualan barangan tidak halal, hasil penjualan rokok atau barangan seumpamanya, perlindungan insurans konvensional, dividen bank konvensional, rasuah, hasil jualan barang curi, hasil rompakan, hasil perkhidmatan pelacuran, hasil Rampasan, transaksi riba', dividen pelaburan tidak patuh syariah, hasil sorok barang (*ihthikar*) dan juga jual beli yang tidak jelas (*gharar*).

Jadual 4: Sumber Wang Tidak Patuh Syariah

Bil	Item	Keterangan		
		Sisihan Piawai	Min	Tahap
1	Perjudian	0.98	4.23	T
2	Pertaruhan	0.85	4.66	ST
3	Rasuah	0.85	3.65	T
4	Transaksiriba'	0.78	4.50	ST
5	Dividen bank konvensional	0.75	3.78	T
6	Hasil sorok barang(<i>ihthikar</i>)	0.88	4.09	T
7	Hasilpenjualan barangan tidakhalal	0.86	4.21	T
8	Hasilpenjualanrokokatau barangan seumpamanya	0.92	4.12	T
9	Hasiljualan barangcuri	0.76	3.98	T
10	Hasil rompakan	0.75	3.78	T
11	Hasilperkhidmatan pelacuran	0.96	4.51	ST

12	Hasil rampasan	0.97	4.23	T
13	Perlindungan insurans konvensional	0.82	3.96	T
14	Dividen pelaburan tidak patuh syariah	0.79	4.11	T
15	Jual beli yang tidak jelas (<i>gharar</i>)	0.85	4.44	ST

Nota:

ST = Sangat Tinggi (nilai min adalah 4.30 hingga 5.00)

T = Tinggi (nilai min adalah 3.50 hingga 4.29)

Kesemua item yang digunakan mempunyai nilai sisihan piawai yang kecil iaitu kurang daripada 1. Sementara itu, terdapat 4 item yang mempunyai nilai min di antara 4.30 hingga 5.00. Ini termasuklah pertaruhan, hasil perkhidmatan pelacuran, transaksi riba' dan jual beli yang tidak jelas (*gharar*). Berdasarkan nilai min tersebut, tahap kefahaman masyarakat tentang sumber wang tidak patuh syariah terhadap 4 item tersebut adalah sangat tinggi. Dalam erti kata lain, masyarakat mengetahui dengan jelas bahawa keempat-empat item tersebut merupakan sumber wang tidak patuh syariah.

Sementara itu, 11 item yang lain mempunyai nilai min di antara 3.50 hingga 4.29. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan masyarakat berkaitan item-item yang diketengahkan sebagai sumber wang tidak patuh syariah berada di tahap yang tinggi. Item-item tersebut termasuklah perjudian, hasil penjualan barangan tidak halal, hasil penjualan rokok atau barangan seumpamanya, perlindungan insurans konvensional, dividen bank konvensional, rasuah, hasil jualan barang curi, hasil rompakan, hasil Rampasan, dividen pelaburan tidak patuh syariah dan hasil sorok barang (*ihthikar*).

Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dibincangkan, tahap pengetahuan pembayar terhadap konsep wang tidak patuh syariah dapat disimpulkan berada pada tahap yang rendah dan sederhana. Walau bagaimanapun, mereka mempunyai tahap pengetahuan yang sangat tinggi dan tinggi berkaitan sumber-sumber wang tidak patuh syariah. Justeru, kesemua pihak harus menggembleng tenaga menyampaikan maklumat yang diperlukan oleh masyarakat terutamanya yang beragama Islam dalam menghadapi kepelbagaian transaksi ekonomi sama ada yang patuh dan tidak patuh syariah. Kefahaman masyarakat terhadap wang tidak patuh syariah bukan sahaja penting bagi membolehkan mereka mengelak daripada terjebak dengan mana-mana transaksi tidak patuh syariah, bahkan turut memberi alternatif bagaimana cara untuk membersihkan harta sekiranya pernah terlibat dengan mana-mana transaksi tidak patuh syariah.

Rujukan

- Ahmad Mukhlis & Irfan Syauqi Beik (2013). Analysis of Factors Affecting Compliance Level of Paying Zakat: A Case Study in Bogor Regency. *Jurnal al-Muzara'ah*, Vol I (1), 83-106.
- Al-Haq, Jad al-Haq Ali Jad (2005). *Buhuth wa Fatawa Islamiyyah fi Qadaya Mu'asirah*. Kaherah: Al-Azhar al-Sharif.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali (1994). *al-Hauaial-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2003). *The Lawful and the Prohibited in Islam (1st ed.)*. London: Al-Birr Foundation.

- Al-Zarqa, Mustafa (2004). *Fatawa Mustafa al-Zarqa*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, Wahbah Mustafa (2003). *Fatawa Muasirah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Bahagian Perancangandan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).
- Henderson, J. C. (2010). Sharia-Compliant Hotels. *Tourism and Hospitality Research*, 10(3), 246-254.
- Ibn Rushd, Abu al-Walid Muhammad Ibn Ahmad (2004). *Bidayat al-Mujtahid wa-Nihayat al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Muhamad Muda, Ainulashikin Marzuki & Amir Shahabuddin (2005). Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 2(1), 77-92.
- Murid Fadzli (2008). *Wang Syubhah: Kaedah Pelupusan Menurut Ulama' Dan Fatwa Semasa*. Kuala Lumpur: Buletin JAWHAR, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Nor Zafir Md Salleh, Abu Bakar Abdul Hamid, Noor Hazarina Hashim & Siti Zaleha Omain (2014). The Practice of Shariah-Compliant Hotel in Malaysia. *International Journal of Trade, Economic and Finance*, 5(1), 26-30.
- Nur Barizah Abu Bakar & Hafiz Majdi Abdul Rashid (2010). Motivations of Paying Zakat on Income: Evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 2(3), 76-84.
- Pengurusan Wang Tidak Patuh Syariah.(t.t.). Diperoleh pada Disember 16, 2017, daripada <http://www.mais.gov.my/perkhidmatan/perkhidmatan-baitulmal/pengurusan-wang-tidak-patuh-syariah?start=1>
- Saidatolakma Mohd Yunus, Sayed Sikandar alHaneef dan Zuraidah Kamaruddin (2017). Purification of Non-Halal Income in Malaysian Islamic Banks: An Overview. *Journal of Islamic in Asia*, 14(2), 305-326.
- Wang tak patuh syariah.(t.t.). Diperoleh pada Disember 15, 2017, daripada <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/2015-11-20-07-49-26/wang-tak-patuhsyariah>
- Wasiullah Shaik Mohammed, Mufti Abdul Kader Barkatulla, Mohammed Husain Khatkhatay, Zaffar Abbas, (2017). Purgings of Impure Income: A Comparative Study of The Existing Purgings Methodologies. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 9(1), 62-80.